

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

24. Minta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berikan maklumat tentang sebuah bangunan yang terletak di sebelah Sungai Kerian di Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal.
- (a) Adakah bangunan ini mempunyai Sijil Menduduki yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)?
  - (b) Siapakah pemilik bangunan tersebut atau adakah perjanjian penyewaan kepada pihak ketiga?
  - (c) Apakah tujuan dan bilakah bangunan tersebut dibina?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Semakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mendapati tiada kelulusan Pelan Bangunan dan Sijil Layak Menduduki / CCC dikeluarkan ke atas sebuah bangunan yang terletak di sebelah Sungai Kerian di Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal.

Semakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), MPSP, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDT SPS) dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (ICU), Jabatan Perdana Menteri mendapati tiada maklumat berkenaan pemilik

bangunan tersebut atau maklumat berkaitan perjanjian penyewaan kepada pihak ketiga. Walau bagaimanapun, pemilik projek ini adalah Kementerian Pelancongan Malaysia dan jabatan pelaksana adalah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang. Projek ini dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi II (PRE-II). Status tapak projek ini adalah tanah Kerajaan Negeri untuk simpanan sungai.

Pembinaan bangunan tersebut yang terdiri daripada binaan dua (2) tingkat jeti digunakan bagi tujuan aktiviti eco-pelancongan khususnya untuk melihat kelip-kelip di muara sungai dan restoran. Pembinaan jeti tersebut dimulakan pada Oktober 2009 dan siap pada Mei 2010.